

01/07/2002

Akta Koperasi dipinda kawal pelaburan berisiko

KUALA LUMPUR, Ahad - Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi akan dipinda bagi mengawal koperasi membuat pelaburan berisiko tinggi dan memastikannya tidak mengalami kerugian berjuta-juta ringgit.

Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Dr Tan Kee Kwong, berkata pindaan itu dibuat berikutan aliran koperasi yang cenderung meminjam daripada sektor perbankan untuk membuat pelaburan berisiko tinggi seperti saham.

Katanya, melalui pindaan itu koperasi hanya dibenarkan melabur dalam pelaburan yang dicadangkan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia.

"Kita dapati banyak koperasi membuat pinjaman bank untuk membayar dividen ahli dan membuat pelaburan saham.

"Sekarang ini koperasi boleh melabur dengan wang ahli dan pinjaman bank, tetapi akan datang kita akan mengetatkan syarat dan tidak membenarkan pelaburan seumpama itu yang boleh menyebabkan kerugian.

"Kalau pelaburan itu rugi, siapa yang mahu membayar hutang itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Rakyat Berhad 2002, di sini, hari ini.

Katanya, pindaan yang dijangka dibentangkan di Parlimen pertengahan tahun depan itu juga akan mewajibkan koperasi melantik Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) yang bebas dan dipilih pada mesyuarat agung.

Beliau berkata, JAD juga memeriksa kegiatan ahli lembaga dan melaporkan kepada jabatan jika berlaku penyelewengan.

Selain itu, katanya, pindaan dibuat bagi menjaga imej sektor itu yang sering menimbulkan pertelingkahan dalaman, terutama pada pemilihan ahli lembaga.

Katanya, Dasar Koperasi Negara yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena Hari Koperasi Negara 21 Julai ini juga membolehkan koperasi menghadapi cabaran seperti globalisasi.